

Date	Day	Sunday	Date	31	Month	July	Year	2016
Publication	Utusan Malaysia							
Headline/Title	Property developer recycles plastic bottles							
Page/Section	Pg. 18/In the state							
Compiled by	Group Corporate Communications							

Syarikat hartanah kitar semula bahan terpakai

Baju botol plastik

■ KUALA LUMPUR 30 JULAI

PERNAHKAH anda terfikir bahawa anda boleh memakai baju T diperbuat daripada lapan botol plastik untuk ke pejabat?

Sebenarnya, itulah yang dilakukan lebih 400 staf syarikat pembangunan hartanah, OSK Property Holdings Bhd. (OSKP) apabila pihak pengurusan membuat keputusan menjadikan baju T daripada bahan terpakai itu sebagai pakaian seragam rasmi mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif OSKP, Ong Ghee Bin berkata, dengan memakai baju T diperbuat daripada bahan dikitar semula, mereka ingin menyampaikan mesej syarikat itu kepada orang ramai tentang pentingnya kelestarian alam sekitar.

"Menurut Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, lebih 100 juta botol plastik digunakan setiap hari di seluruh dunia dan dengan melaksanakan inisiatif ini, kami dapat menghalang kira-kira 10,000 botol plastik daripada dibuang di tapak pelupusan sampah.

"Komitmen OSKP sahaja untuk meningkatkan kelestarian tidak mencukupi dan kami berjil program kerjasama daripada GTMA kerana usaha mereka dalam memberi sokongan kepada program transformasi korporat lestari di bawah inisiatif pengurusan sisa buangan negara ini.

Pengarah KLOTH Lifestyle Malaysia, Nik Suzila Nik Hassan berkata, baju T itu diperbuat daripada 40 peratus serat polyester janaan semula (botol plastik) dan 60 peratus kapas organik - menjimatkan kira-kira lapan botol plastik bagi setiap baju.

"Botol yang diracik menjadi serpihan plastik dikumpul daripada alat pemproses sisa buangan di seluruh negara, yang kemudian dibersihkan, ditukar menjadi pelet dan ditunen menjadi benang polyester.

"Pengguna tidak perlu bimbang, ia selesa dan selamat untuk dipakai kerana mendapat pengesahan daripada Sistem Persijilan Sainifik dan Standard Kitar Semula Global," katanya.

KLOTH Lifestyle adalah syarikat yang giat mempromosi, memasarkan dan menghasilkan fikiran, pakaian serta produk pakaian berasaskan fabrik lestari daripada botol plastik dan bahan mesra eko lain yang dikitar semula. - BERNAMA

Dengan memakai baju T diperbuat daripada bahan dikitar semula, mereka ingin menyampaikan mesej syarikat itu kepada orang ramai tentang pentingnya kelestarian alam sekitar."

ONG GHEE BIN
Ketua Pegawai Eksekutif OSKP

harap penyertaan kami dalam gerakan transformasi ini akan mendorong organisasi lain untuk tampil dan memberi sokongan kepada inisiatif hijau ini," katanya pada majlis pelancaran OSKP *Uniform Turning Waste To Wear*, di sini hari ini.

Ghee Bin berkata, inisiatif itu melibatkan kerjasama pihaknya dengan anak syarikat Malaysian Green Technology Corporation, Green Tech Malaysia Alliances (GTMA), dan KLOTH Lifestyle Sdn. Bhd. (Kloth Lifestyle).

Katanya, OSKP adalah syarikat pembangunan hartanah pertama di Malaysia yang menerima si-